

"Mahasiswa Produktif Peneraju Pembangunan Masyarakat"

▶ 64 mahasiswa UMS laksana program Bakti Suksis di Kg Marakau

Oleh JAINUDIN NASIR

PROGRAM Bakti Sukarelawan Polis Sizwa-Siswi (Suksis) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kampung Marakau, 2.5 kilometer dari Pekan Ranau, mendapat sokongan serta kerjasama padu daripada penduduk pelbagai lapisan masyarakat.

Ketibaan rombongan seramai 64 mahasiswa diiringi lima jurulatih itu telah disambut mesra oleh penduduk Kg Marakau diketuai Ketua Kampung Sumadi Sulaiman, 63, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Marakau Simin Gambukas, 63, dan Pengerusi Bombon Kg Marakau Hamdan Jaini.

“Program Bakti Suksis UMS Siri 1/2015 itu memberi pengalaman dan pengetahuan kemasyarakatan kepada peserta untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian apabila tamat pengajian kelak. Ia juga untuk mengeratkan silaturahmi dan persaudaraan kalangan mahasiswa-siswi dengan penduduk akar umbi terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.”

NORMAYA SUMAN
Pengarah program



GURU Besar SK Maracas Dusina Guntung (dua kanan) memberi taklimat.



ASWINI Aquila AbdRazak, 22, dari Pitas cuba memujuk salah seorang murid Tahun 1 supaya menyertai senamrobik.



PELAJAR UMS bersama murid Tahun 1 bersenamrobik.



PESERTA ketika taklimat pembahagian kumpulan kerja gotong royong yang dikendalikan oleh Kpl Kumaran (kanan).

Program selama empat hari bermula 23 Januari dan akan berakhir esok (26 Januari) itu bertemakan 'Mahasiswa Produktif Peneraju Pembangunan Masyarakat'.

Ia bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada para mahasiswa untuk turun padang di lokasi sebenar bagi menerapkan nilai-nilai murni dan positif kepada masyarakat tanpa memilih suku kaum dan agama.

Pengarah program Normaya Suman, 22, dari Kg Korongkom Kota Marudu memaklumkan Program

Bakti Suksis UMS Siri 1/2015 itu memberi pengalaman dan pengetahuan kemasyarakatan kepada peserta untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian apabila tamat pengajian kelak.

“Ia juga untuk mengeratkan silaturahmi dan persaudaraan kalangan mahasiswa-siswi dengan



KUMPULAN kerja gotong royong bahagian dewan merakam gambar sebelum memulakan kerja mereka.



SEBAHAGIAN pelajar UMS menjalankan gotong royong.

penduduk akar umbi terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman,” katanya.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah ceramah motivasi kepada penduduk, gotong royong, senamrobik dan persembahan kebudayaan yang akan diadakan ketika majlis penutupan program yang dijangka disempurnakan Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat merangkap Adun Paginatan Datuk Siringan Gubat.

Simin dan Sumadi berterima kasih kepada pihak UMS kerana memilih Kg Marakau sebagai lokasi program Bakti Suksis tahun ini. Hari pertama rombongan berkesempatan berkunjung ke Rumah Putera Harapan (RPH) dan Rumah Anak Yatim (RAY) Kg Landsat.

Sementara pada hari kedua, para peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan untuk mengikut gotong royong di kawasan bombon, Bukit Dempurongon, SK Marakau dan Dewan Bersatu Marakau.



KUMPULAN kerja bahagian Bombon Murakami.



BERSAMA kanak-kanak RAY Kg Landsat Ranau.